



**TEKS UCAPAN MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR  
GEMILANG 2021 PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA.**

**7 OGOS 2021 (SABTU)**

**SECARA MAYA**

**(RAKAMAN PADA RABU, 28 JULAI 2021, 2.30 PETANG)**

1. ALHAMDULLILLAH, SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA PADA HARI INI MERAIKAN PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG BAGI TAHUN 2021.

2. TEMA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PADA TAHUN 2021 INI ADALAH **MALAYSIA PRIHATIN** IAITU SAMA SEPERTI TAHUN LEPAS. IA AMAT BERTEPATAN DENGAN ASPIRASI YANG DIDUKUNG KERAJAAN, YANG MANA SELURUH RAKYAT MALAYSIA DARI SETIAP LAPISAN MASYARAKAT BERSATU HATI KE ARAH PEMBINAAN SEBUAH NEGARA BANGSA YANG KUKUH, PROGRESIF DAN MAJU. PERPADUAN RAKYAT PELBAGAI ETNIK MERUPAKAN ASAS DAN NILAI PENTING KEPADA PEMBINAAN SEBUAH NEGARA, YANG MELAHIRKAN BANGSA MALAYSIA YANG MUFAKAT DAN MAKMUR. INI SEKALIGUS MELAHIRKAN MASYARAKAT PRIHATIN YANG MEMAHAMI NILAI KESAKSAMAAN,

KEBERSAMAAN, SALING MENGHORMATI DAN MENGAMBIL BERAT ANTARA SATU SAMA LAIN.

3. KETIKA SELURUH DUNIA TERMASUK MALAYSIA MASIH DIBELENGGU PANDEMIK COVID-19, SIFAT KEPRIHATIAN DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA AKAN MENJADI TUNJANG UNTUK KITA SEMUA BERSATU HATI DAN BERGANDING BAHU DENGAN KERAJAAN DALAM MENANGANI PANDEMIK INI DEMI KESEJAHTERAAN SEMUA.

4. KERAJAAN SENTIASA PRIHATIN DAN MENGAMBIL BERAT TERHADAP KEBAJIKAN DAN NASIB RAKYAT YANG BERHADAPAN DENGAN CABARAN PANDEMIK COVID-19. PELBAGAI INISIATIF TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN, BERMULA DARIPADA PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) HINGGALAH KEPADA:

a) PAKEJ PRIHATIN PKS TAMBAHAN

- b) PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)
- c) PAKEJ KERANGKA INISIATIF TAMBAHAN PRIHATIN (KITA PRIHATIN)
- d) PAKEJ PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA (PERMAI).
- e) PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI TAMBAHAN (PEMERKASA PLUS)
- f) BANTUAN PELINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH).

5. SEMANGAT MALAYSIA PRIHATIN INI BUKAN SAHAJA DIZAHIRKAN MENERUSI INISIATIF KERAJAAN SAHAJA MALAHAN, RAKYAT DARIPADA PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT JUGA TURUT TAMPIL MEMBERIKAN BANTUAN DAN SOKONGAN TANPA MENGIRA KAUM, AGAMA DAN FAHAMAN POLITIK. INI PETANDA BAIK YANG MEMBUKTIKAN

RAKYAT MALAYSIA SENTIASA BEKERJASAMA DAN BERSATU  
HATI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

6. PADA TAHUN INI, SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN YANG KE-64 AKAN DISAMBUT SECARA SEDERHANA DISEBABKAN NEGARA MASIH BERADA DALAM FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN). SAMBUTAN PADA KALI INI PASTINYA SECARA NORMA BAHARU BERDASARKAN PEMATUHAN SOP YANG TELAH DITETAPKAN.

7. KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) SEBAGAI JAWATANKUASA INDUK HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2021 (HKHM 2021) TELAH MERANCANG PELBAGAI PROGRAM UNTUK MERAIKAN DAN MENGHARGAI SUMBANGAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA. DI SAMPING ITU, SAMBUTAN INI JUGA DIDEDIKASIKAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN DI ATAS PENGORBANAN DAN

KOMITMEN BERTERUSAN DALAM KITA MEMERANGI PENULARAN COVID-19.

8. BAGI PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA, KITA TELAH MENGATUR PELBAGAI PROGRAM SEPANJANG BULAN KEBANGSAAN TAHUN INI. ANTARA AKTIVITI UTAMA ADALAH PEMASANGAN JALUR GEMILANG DI PREMIS DAN BANGUNAN KEMENTERIAN, PAPARAN LOGO DAN TEMA HKHM 2021, HIASAN KEMERDEKAAN DI SETIAP BAHAGIAN, PERTANDINGAN ON-LINE SAMBUTAN KEMERDEKAAN DI KALANGAN WARGA KEMENTERIAN DAN SIARAN LAGU MALAYSIA PRIHATIN, SERTA LAGU-LAGU PATRIOTIK.

9. WALAUPUN SAMBUTAN YANG DIADAKAN ADALAH SECARA SEDERHANA DENGAN MEMATUHI SOP DITETAPKAN, NAMUN SAYA BERHARAP SEMANGAT PATRIOTISME AKAN TERUS TERSEMAT KUKUH DI HATI KITA SEMUA. RASA CINTA KEPADA NEGARA INI PERLU DIPUPUK SEGAR DALAM DIRI SETIAP GENERASI TANPA MENGIRA

USIA. KITA PERLU MENGHARGAI HASIL PERJUANGAN GENERASI TERDAHULU YANG TELAH BERTARUNG NYAWA DAN HARTA BENDA UNTUK NEGARA KITA MEMPEROLEH KEMERDEKAAN DAN MEMASTIKAN KEMERDEKAAN INI KEKAL SELAMANYA.

10. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH BEKERJA KERAS DALAM MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK PENGISIAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT KKR PADA TAHUN INI.

11. AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM SAYA DENGAN INI MELANCARKAN PROGRAM BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2021 PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WABILLAHIL TAUFIQ WAL HIDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM  
WA RAHMATULLAHIL WA BARAKATUH.